

# Pelajar UPMKB lawat Pertama Ferroalloys Sdn Bhd

**BINTULU:** Seramai 20 pelajar Sarjana Muda Sains Kimia Perindustrian (BSKP), Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) mengadakan lawatan industri ke Pertama Ferroalloys Sdn Bhd di Samalaju di sini, baru-baru ini.

Menurut kenyataan daripada UPMKB, aktiviti tersebut adalah salah satu usaha memantapkan pemahaman dan memberi pendedahan praktikal kepada para pelajar mengenai operasi industri kimia.

"Lawatan ini bertujuan untuk memberikan pendedahan praktikal kepada pelajar mengenai operasi industri kimia dan aplikasi nyata daripada teori yang dipelajari di dalam bilik kuliah," katanya.

Semasa lawatan, tambahnya, para pelajar dapat menyaksikan bagaimana bahan mentah diproses dan diubah menjadi produk akhir yang berkualiti tinggi.

"Pelajar juga diberi penerangan mengenai teknologi terkini yang digunakan dalam proses pengeluaran serta langkah-langkah

yang diambil oleh syarikat untuk memastikan kelestarian alam sekitar," jelasnya.

Ujar kenyataan itu, UPMKB berharap dapat menjalinkan kerjasama yang lebih erat dengan syarikat-syarikat industri bagi manfaat para pelajar di masa hadapan.

"Secara keseluruhannya, program lawatan industri kali ini bakal diadakan lagi pada tahun hadapan dan terus dijadikan program tahunan agar dapat mengeratkan hubungan UPMKB dan Pertama Ferroalloys Sdn Bhd.

"UPMKB sentiasa menyokong usaha dalam memacu kolaborasi antara ahli akademik dan industri sebagai persediaan kepada pelajarnya untuk menjadi graduan yang boleh menyumbang kepada industri kelak," ujarnya.

Menurut pensyarah Dr. Ellie Teo Yi Lih, pengalaman praktikal seumpama penting untuk memperkayakan ilmu pengetahuan pelajar.

"Lawatan industri ini bukan

sahaja memberikan pendedahan praktikal kepada pelajar, tetapi juga membuka peluang kepada mereka untuk memahami cabaran dan peluang dalam industri kimia perindustrian.

"Ia juga dapat memberi

inspirasi kepada mereka mengenai prospek kerjaya dalam bidang ini," katanya.

Sementara itu, pengarah program, Natasya Rostino berkata, aktiviti sedemikian merupakan satu pengalaman yang sangat

berharga bagi mereka.

"Melihat sendiri proses pengeluaran dan berinteraksi dengan para profesional dalam industri memberikan kami perspektif yang lebih jelas mengenai apa yang kami pelajari," katanya.



**KENANGAN...** Seramai 20 pelajar UPMKB bersama pengiring merakam gambar dengan pihak Pertama Ferroalloys semasa lawatan mereka ke syarikat tersebut di Samalaju, baru-baru ini.